

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 13 TAHUN 2017

PEMROSESAN PENGELUARAN HAKMILIK TANAH

BAGI PROJEK PEMBANGUNAN


NEGERI KELANTAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan kali Ke 18/2017 yang telah bersidang pada 30 Ogos 2017 telah menimbang dan meluluskan penubuhan Jawatankuasa Khas Teknikal Pengeluaran Hakmilik (JKTP) membantu mempercepatkan pemprosesan pengeluaran hakmilik tanah bagi projek-projek pembangunan di Negeri Kelantan.

2. Mana-mana projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa negeri melalui Pusat Pelaburan Negeri / Unit perancang Ekonomi Negeri (UPEN) samada terlibat dengan projek usahasama atau tanpa usahasama hendaklah mengemukakan permohonan tanah ke Pejabat Tanah dan Galian Kelantan untuk diambil proses selanjutnya bagi tujuan mempercepatkan pengeluaran hakmilik.

3. Sehubungan dengan itu Pentadbir-Pentadbir tanah adalah diminta mengambil maklum dan memastikan bahawa semua permohonan untuk pengeluaran hakmilik tanah bagi projek-projek pembangunan diproses melalui Jawatankuasa Khas tersebut.

4. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.



DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K. (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah PLANMalaysia@Kelantan (JPBD)
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO. : PTG.KN.44/85 Jld.4 (20)
BERTARIKH : 23 ZULHIJJAHL438H
14 SEPTEMBER 2017